

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Thursday, 20 October, 2016 9:41 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MAHASISWA/I UUM BENTANG CADANGAN PERNIAGAAN DI INDONESIA



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia



20 OKTOBER 2016 / 19 MUHARRAM 1438H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum wbt. & Salam Sejahtera.

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

MAHASISWA/I UUM BENTANG CADANGAN PERNIAGAAN DI INDONESIA



PPACAS ONLINE: Seramai tujuh (7) orang mahasiswa/i Universiti Utara Malaysia iaitu daripada College of Art and Sciences (UUM CAS) iaitu Ahmad Luqman Jamaludin, Muhamad Afiq Mahadi, Nur Syammila Aziz dan Syaza Lyana Mahadzir dan daripada College of Business (UUM COB) pula iaitu Izzul Aiman Nor Azni, Lim Hui Ying dan Wardah Abdul Latiff telah menyertai program P2A Journey: Chapter Jakarta dan Bogor pada 3 – 7 Oktober yang lalu di Jakarta, Indonesia melibatkan pelajar dari pelbagai negara- negara ASEAN seperti Vietnam, Thailand, Myanmar, Indonesia dan Malaysia di bawah anjuran Binus University dengan kerjasama Institusi Pertanian Bogor.

Mereka didedahkan berkenaan ‘*agribusiness*’ di sekitar Jakarta dan Bogor. Mereka juga perlu membentangkan cadangan perniagaan yang bersesuaian di negara ASEAN yang merangkumi aspek ekonomi, politik dan budaya yang dapat mempengaruhi corak perniagaan di ASEAN secara berkumpulan. Antara tempat yang dilawati adalah Institusi Pertanian Bogor (IPB) untuk melawat kawasan pemprosesan susu segar dan roti yang mana produk-produk ini dipasarkan ke luar dari Bogor dan di kawasan sekitar Indonesia. Di samping itu juga para pelajar dibawa melawat ke “Serambi Botani” untuk melihat produk- produk hasil daripada pertanian dibawa dan dijual disini. Hampir kesemua produk menggunakan bahan-bahan organik.

Selain dari aktiviti berkaitan ‘*agribusiness*’, para pelajar juga dibawa melawat Musium Nasional Indonesia bagi mengetahui sejarah Indonesia yang meliputi senibina rumah, alat muzik dan pelbagai lagi.

Program P2A to ASEAN Journey “Chapter: Jakarta and Bogor” selama lima hari ini memberi impak yang besar serta memberikan banyak pendedahan dan pengetahuan baru mengenai budaya dan ekonomi negara- negara lain dan khususnya negara Indonesia melalui perkongsian bersama para pelajar dalam program ini.

Sekian.

=====

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Emel:cas-sadc@uum.edu.my
Website:http://ppacas.uum.edu.my



Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni



@ppauumcas

=====

